

Eksplotasi Pekerja Asing, Halangan dan Cabaran di Sektor Pembinaan

(Exploitation of Foreign Workers, Obstacles and Challenges in the Construction Sector)

MAIZATUL AZIAN MARJUKI*

Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: qumaiy_96@yahoo.com

ABSTRAK

Kehadiran pekerja asing amat penting untuk pembangunan ekonomi. Kehadiran pekerja asing ke negeri Sabah juga menjadi isu paling besar dan sukar untuk diselesaikan sejak tahun 1990an. Pekerja migran datang ke negara Malaysia untuk mencari pendapatan walaupun mereka ditawarkan gaji yang rendah, keadaan tempat kerja kurang selesa dan dipaksa bekerja lebih daripada waktu yang sepatutnya. Ini telah mendorong berlakunya kegiatan perdagangan orang. Kementerian Dalam Negeri (KDN) berusaha memansuhkan sistem pengambilan pekerja asing melalui ejen atau syarikat tertentu dan mengubah dasar pengurusan pekerja asing.

Kata kunci: Cabaran, eksploitasi, halangan, Malaysia, migran, pekerja asing

ABSTRACT

The presence of foreign workers is very crucial in the development of our country. Their presence in Sabah has created a big issue and it is difficult to be solved since 1990s. Migrant workers migrate to Malaysia in search of income although they are offered a low salary, uncondusive living arrangements and long working hours. This has encouraged the rise of human trafficking. Ministry of Internal Affairs Malaysia is trying to solve this issue by abolishing recruitment of foreign workers through agents and rectify the policy on managing and recruiting foreign workers.

Keywords: Challenges, exploitation, foreign workers, obstacles, Malaysia, migrant

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution Non Commercial Share Alike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

PENGENALAN

Pekerja asing telah menjadi satu bahagian daripada sistem ekonomi negara. Sesebuah negara mahupun negeri akan berusaha membangun untuk memajukan ekonomi tidak akan terlepas daripada mengakui kepentingan pendatang khususnya pekerja asing dalam sistem ekonomi negara. Dalam hal ini, Malaysia juga tidak terkecuali kerana isu pekerja asing merupakan salah satu isu yang hangat diperkatakan dan juga merupakan isu yang sangat penting dalam ekonomi negara. Sabah merupakan sebahagian daripada negara Malaysia juga turut tidak terkecuali daripada mengalami masalah keperluan pekerja asing. Keperluan buruh yang mendesak menyebabkan Malaysia khususnya negeri Sabah menjadi tumpuan buruh asing dan kehadiran mereka ini juga sangat diperlukan untuk membangunkan ekonomi di tempat tersebut.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 1990an, kehadiran mereka dengan jumlah yang begitu besar terutamanya di bandar-bandar utama menyebabkan kumpulan ini bukan sahaja menimbulkan masalah jenayah mahupun sosial, namun mereka juga turut dilihat sebagai ancaman identiti dan politik terhadap negeri Sabah (Azizah, 2002). Namun, jika dilihat daripada kaca mata ekonomi, kehadiran mereka ini dilihat sebagai suatu yang penting kepada pembangunan ekonomi negeri Sabah.